



# BULETIN KELAB



KELUARAN 26/06

JUN 2007/

KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN PENTADBIRAN  
PUSAT ASASI UIAM  
"KEBAJIKAN TERAS PERPADUAN"

## KANDUNGAN BULETIN

BOLING CFSIIUM	2
DOA	3
UCAPAN LAILAHAILLAL-	4
CAHAYA MUKA NABI	4
6 SOALAN SAHAJA	5
MUKJIZAT AZAN	6
BAIKI SOLAT (WANITA)	7-8
JUST FOR LAUGH	9

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

En. Syamsul Amri Abdul Rahim

### PENASIHAT

Sdra. Mohamad Amin Hj. Ismail

### PENGARANG

Sdri. Zaireen Zalinashila Uyub

### AJK

Sdra. Azrul Hazle  
Sdri. Ruhaidah Musa  
Sdri. Rosinawani Mustafa  
Sdri. Nor Azlina

## BERITA TERKINI

1. **TAKZIAH...** kepada Pn. Shahidah Said kerana ibu beliau telah kembali ke rahmatullah pada hari Jumaat, 18/5/2007. Pihak kelab sekali lagi mengucapkan takziah dan mendoakan roh ibunya ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.
2. **TAKZIAH...** juga diucapkan kepada Pn. Nor Faezah Abu Seman dari Jbtn. Keselamatan kerana ibu kesayangan telah kembali ke rahmatullah pada 28/4/2007. Pihak kelab mendoakan semoga rohnya dicucuri rahmat Allah SWT.
3. **TAKZIAH...** turut diucapkan kepada Sdra. Mat Nasir Ismail yang turut kehilangan ibu tercinta pada bulan Mei 2007 yang lalu. Kelab mendoakan rohnya ditempatkan bersama orang-orang yang beriman.
4. **SELAMAT PENGANTIN BARU...** diucapkan kepada Sdri. Norhayati Muhammad dari Jbtn Keselamatan yang telah melangsungkan perkahwinan dengan jejaka pilihan hatinya pada 27 Mei 2007. Kelab mendoakan agar beliau & suami berbahagia hingga ke akhir hayat.
5. **SELAMAT PENGANTIN BARU...** juga diucapkan kepada Ustz. Sh. Hafilah dari Jbtn. Latihan yang telah melangsungkan perkahwinan dengan jejaka pilihan hatinya pada 2 Jun 2007. Kelab mendoakan agar beliau & suami berbahagia hingga ke akhir hayat.

## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KELAB KALI KE-2/2007

TELAH DIADAKAN PADA 24/5/2007

(Gambar sepanjang mesyuarat berlangsung)





## KEJOHANAN BOLING CFSIIUM PADA 26HB May 2007

1. **TAHNIAH**...kepada pemenang-pemenang pertandingan Boling CFSIIUM yang telah diadakan di U-Bowl, One Utama pada 26/5/2007. Berikut adalah senarai nama pemenang-pemenang mengikut kategori:

### KUMPULAN (L)

1. GENERATION XXX (Azrul Hazle, Noor Shariman, Ma'ad & Asnalizam) - 2312
2. BOB CAT (Hafiz Ibrahim, Muhd Hassan, Ahmad Hidayat & Muhd Saifullah) - 2121
3. AYAM BRAND (Amzari, A. Kamal Bahari, Mohamad Hafez & Rizal Yahya) - 1993

### KUMPULAN (W)

1. MANTEP (Nik Haslina, Zaireen, Zalilah & Siti Sofo) - 1796
2. AN-NUR (Rozila Misro, Junaidah Hassan, Norhashimah & Nor Rohaida) - 1649
3. TERRORYAKI F4 (Norfaezah, Norzainiyah, Sofia Hayati & Zuzana) - 1552

### INDIVIDU (L)

1. Muhd Hassan (644)
2. Noor Shariman (624)
3. Azrul Hazle (619)

### INDIVIDU (W)

1. Nor Rohaida (595)
2. Nik Haslina (517)
3. Zaireen (488)



## “DOA KETIKA MEMULAKAN KERJA”

♦ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ ♦

اللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْئَلُكَ مِنْ خَیْرِ هَذَا الْعَمَلِ وَخَیْرِ مَا فِیْهِ ♦ وَاَعُوْذُ بِكَ

مِنْ شَرِّ هَذَا الْعَمَلِ وَشَرِّ مَا فِیْهِ ♦ اِنَّكَ عَلٰی كُلِّ شَیْءٍ قَدِیْرٌ ♦

Allahumma inni as aluka min khairi hazal 'amali wakhairi mafih.

Waa'nguzubika minsharri hazal 'amali washarri mafih.

Innaka 'ala kulli shai inqadir

Ya-Allah. Aku memohon pada Mu kebaikan pekerjaan ini dan segala kebaikan yang ada di dalamnya, dan aku berlindung pada Mu daripada keburukan pekerjaan ini dan segala keburukan yang ada di dalamnya. Sesungguhnya di atas segala sesuatu itu Engkaulah yang maha berkuasa menentukannya. Amin...

## “DOA KETIKA AKHIR KERJA”

♦ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ ♦

اللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْتَوْدِعُكَ عَمَلِیْ وَنَفْسِیْ وَتَوَكَّلْتُ عَلٰی اللّٰهِ ♦

Allahumma inni astaudi'nguka 'amali wanafsi watawwakaltu 'alallah.

Ya-Allah. Aku serahkan pada Mu pekerjaan ku dan jiwa raga ku, dan aku bertawakal kepada Engkau ya-Allah. Amin...

## Ucapan Laillahailallah

Bila hamba Allah mengucapkan Laillahailallah maka keluarlah dari mulutnya yang mengucapkan perkataan yang mulia itu seekor burung hijau. Maka burung hijau akan naik ke Arasy Allah dan berkicauanlah burung-burung tadi dibawah Arasy. Melihat kejadian itu malaikat yang menjaga Arasy Allah memerintahkan kepada burung-burung tadi supaya diam tetapi tidak dipatuhi oleh mereka. Oleh kerana arahan yang diberi tidak dipatuhi, malaikat yang menjaga Arasy mengadap Allah SWT menceritakan kejadian itu.

Maka Allah memerintahkan malaikat tersebut supaya memberitahu burung-burung supaya diam. Apabila perintah itu diberitahu kepada mereka. Maka berkatalah burung-burung itu... "wahai malaikat yang menjaga Arasy Allah, kami boleh mendiamkan diri kami tetapi dengan satu permintaan". bertanya malaikat "Apakah permintaan itu?". Berkata burung-burung itu " Jika Allah ampunkan dosa-dosa orang yang mengucapkan kalimah Lailahailallah sehingga terciptanya aku, barulah aku akan tidak membuat bising disini". Berkata malaikat itu "baiklah aku akan sampaikan kepada Allah".

Beredarlah malaikat dan menyembah Allah dan disampaikan permintaan tadi kepada Allah. Maka Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang menerima permintaan tersebut. Malaikat pun pergi berjumpa dengan burung-burung itu dan mengatakan bahawa Allah telah menerima permintaan mereka. Maka dengan segera mereka tidak membuat bising dan mereka bergantung di Arasy Allah sambil berzikir dan memohon keampunan untuk orang yang mengucap Lailahailallah tadi sehingga hari kiamat. Oleh itu kita manusia sepatutnya tidak melepaskan peluang yang diberi oleh Allah itu. dengan hanya mengucap kalimat yang disukai oleh Allah maka balasanya berterusan hingga hari kiamat. Maha Suci Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

## CAHAYA MUKA NABI S.A.W.

Telah diriwayatkan daripada Siti Aishah bahawa ia telah berkata : "Sedang aku menjahit baju pada waktu sahur (sebelum subuh) maka jatuhlah jarum daripada tanganku, tiba-tiba kebetulan lampu pun padam, lalu masuklah Rasulullah s.a.w. Ketika itu juga aku dapat mengutip jarum itu kerana cahaya wajahnya, lalu aku berkata, " Hai Rasulullah alangkah bercahayanya wajahmu.

Seterusnya aku bertanya: " Siapakah yang tidak akan melihatmu pada hari kiamat?"

Jawab Rasulullah : "Orang yang bakhil."

Aku bertanya lagi : "Siapakah orang yang bakhil itu?"

Jawab baginda : "Orang yang ketika disebut namaku di depannya, dia tidak mengucap selawat ke atasku."

## **6 SOALAN SAHAJA**

Suatu hari, Imam Al-Ghazali berkumpul dengan murid-muridnya lalu beliau bertanya :

**Soalan pertama**

**Imam Ghazali : Apakah yang paling dekat dengan diri kita di dunia ini?**

**Murid 1 : Orang tua**

**Murid 2 : Guru**

**Murid 3 : Teman**

**Murid 4 : Kaum kerabat**

**Imam Ghazali : Semua jawapan itu benar. Tetapi yang paling dekat dengan kita ialah MATI . Sebab itu janji Allah bahawa setiap yang bernyawa pasti akan mati ( Surah Ali-Imran:185).**

**Soalan kedua**

**Imam Ghazali : Apa yang paling jauh dari kita di dunia ini ?**

**Murid 1 : Negeri Cina**

**Murid 2 : Bulan**

**Murid 3 : Matahari**

**Murid 4 : Bintang-bintang**

**Iman Ghazali : Semua jawapan itu benar. Tetapi yang paling benar adalah MASA LALU. Bagaimanapun kita, apapun kenderaan kita, teta! p kita tidak akan dapat kembali ke masa yang lalu. Oleh sebab itu kita harus menjaga hari ini, hari esok dan hari-hari yang akan datang dengan perbuatan yang sesuai dengan ajaran Agama.**

**Soalan ketiga**

**Iman Ghazali : Apa yang paling besar didunia ini ?**

**Murid 1 : Gunung**

**Murid 2 : Matahari**

**Murid 3 : Bumi**

**Imam Ghazali : Semua jawapan itu benar, tapi yang besar sekali adalah HAWA NAFSU (Surah Al A'raf: 179). Maka kita harus hati-hati dengan nafsu kita, jangan sampai nafsu kita membawa ke neraka .**

**Soalan keempat**

**Imam Ghazali : Apa yang paling berat didunia ?**

**Murid 1 : Baja**

**Murid 2 : Besi**

**Murid 3 : Gajah**

**Imam Ghazali : Semua itu benar, tapi yang paling berat adalah MEMEGANG AMANAH (Surah Al-Azab : 72 ). Tumbuh-tumbuhan, binatang, gunung, dan malaikat semua tidak mampu ketika Allah SWT meminta mereka menjadi khalifah(pemimpin) di dunia ini. Tetapi manusia dengan sombongnya berebut-rebut menyanggupi permintaan Allah SWT sehingga banyak manusia masuk ke neraka kerana gagal memegang amanah.'**

**Soalan kelima**

**Imam Ghazali : Apa yang paling ringan di dunia ini ?**

**Murid 1 : Kapas**

**Murid 2 : Angin**

**Murid 3 : Debu**

**Murid 4 : Daun-daun**

**Imam Ghazali : Semua jawapan kamu itu benar, tapi yang paling ringan sekali didunia ini adalah MEN-  
INGGALKAN SOLAT. Gara-gara pekerjaan kita atau urusan dunia, kita tinggalkan solat. Na'uzubilla-  
himinzaalik.**

**Soalan keenam**

**Imam Ghazali : Apa yang paling tajam sekali didunia ini ?**

**Murid- Murid dengan serentak menjawab : Pedang**

**Imam Ghazali : Itu benar, tapi yang paling tajam sekali didunia ini adalah LIDAH MANUSIA . Kerana melalui lidah, manusia dengan mudahnya menyakiti hati dan melukai perasaan saudaranya sendiri.**

## Mukjizatnya Azan

Pesanan Semasa Mendengar Azan...

Kematian itu pasti menjelma. Hanya masa dan waktunya yang tidak kita ketahui. Cuba kita amati. Mengapa kebanyakan orang yang nazak, hampir ajal tidak dapat berkata apa-apa.... lidahnya kelu, keras dan hanya mimik mukanya yang menahan kesakitan 'sakaratul maut'.

Diriwayatkan sebuah hadis yg bermaksud: "Hendaklah kamu mendiamkan diri ketika azan, jika tidak Allah akan kelukan lidahnya ketika maut menghampirinya. "Ini jelas menunjukkan, kita disarankan agar mendiamkan diri, jangan berkata apa-apa pun semasa azan berku-mandang.

Sebagai orang beragama Islam kita wajib menghormati azan. Banyak fadhilatnya. Jika lagu kebangsaan kita diajar agar berdiri tegak dan diamkan diri. Mengapa ketika azan kita tidak boleh mendiamkan diri? Lantas sesiapa yang berkata-kata ketika azan, Allah akan kelukan lidahnya ketika nazak .

Kita takut dengan kelunya lidah kita semasa ajal hampir tiba maka kita tidak dapat mengucap kalimah "Lailahaillallah.." yang mana sesiapa yang dapat mengucapkan kalimah ini ketika nyawanya akan dicabut Allah dgn izinNya menjanjikan syurga untuk mereka.

Dari itu marilah kita sama-sama menghormati azan dan mohon kepada Allah supaya lidah ini tidak kelu semasa nyawa kita sedang dicabut. "Ya Allah! Anugerahkanlah kematian kami dengan kematian yang baik lagi mulia, lancarkan lidah kami mengucap kalimah "Lailahaillallah.." semasa sakaratul maut menghampiri kami. Amin..amin..amin Yarobbal a'lamin.."

### **WASIAT NABI MUHAMMAD S.A.W. kepada SAIDINA ALI R.A.;**

Wahai Ali, bagi orang 'ALIM itu ada 3 tanda2nya:

- 1) Jujur dalam berkata-kata.
- 2) Menjauhi segala yg haram.
- 3) Merendahkan diri.

Wahai Ali, bagi orang yg JUJUR itu ada 3 tanda2nya:

- 1) Merahsiakan ibadahnya.
- 2) Merahsiakan sedekahnya.
- 3) Merahsiakan ujian yg menyimpannya.

Wahai Ali, bagi org yg TAKWA itu ada 3 tanda2nya:

- 1) Takut berlaku dusta dan keji.
- 2) Menjauhi kejahatan.
- 3) Memohon yang halal kerana takut jatuh dalam keharaman.

Wahai Ali, bagi AHLI IBADAH itu ada 3 tanda2nya:

- 1) Mengawasi dirinya.
- 2) Menghisab dirinya.
- 3) Memperbanyakkan ibadah kepada Allah s.w.t.

Wang RM50 kelihatan begitu besar bila dibawa ke kotak derma masjid, tetapi begitu kecil bila kita bawa ke supermarket. 45 minit terasa terlalu lama untuk berzikir tapi betapa pendeknya waktu itu untuk pertandingan bola sepak. Semua insan ingin memasuki syurga tetapi tidak ramai yang berfikir dan berbicara tentang bagaimana untuk memasukinya.

## Baiki Cara Sembahyang (Khas Utk Perempuan)

Mudah-mudahan mendapat iktibar dan rahmat.

### Baiki Cara Sembahyang kita ... khas buat perempuan

Baru saja lepas mendengar ceramah Ustazah HjH Siti Khadijah Din, sebentar tadi. Rasa terlalu bernilai ilmu yg dicurahkan beliau, rugi kalau tak dikongsi bersama. Topik adalah mengenai adab2 solat. Setelah mengikuti kuliah beliau (2 minggu sekali) selama beberapa bulan yg lepas, baru kini timbul kesedaran betapa solat yg saya dirikan terlalu rendah kualitasnya. Bagaimana bisa solat berkenaan diterima Allah...umur dah lanjut macam ni pun solat masih di peringkat mediocre, itu pun kalau boleh di kategorikan begitu.

Secara ringkasnya, sebelum memulakan solat, penceramah mencadangkan kita mengambil 2 minit untuk "menyediakan diri" sebelum menghadap Yg Esa; Dua perkara yg elok dilakukan sebelum berniat utk solat...sewaktu kita berdiri tegak sebelum lafaz niat:

#### Minit Pertama -

Membangkitkan rasa KEHAMBAAN dlm diri kita. Kenangkan kembali dosa2 kita, betapa kerdil dan hinanya kita, seolah2 tak layak untuk diberi peluang menghadap yang Esa. Pendek kata, kutuk diri sendiri dan menyesal lah.

#### Minit Kedua -

Membangkitkan rasa BERTUHAN. Betapa kita diciptakan oleh yg Esa utk beribadat kepadaNya. Kenangkan betapa bersyukur-kurnya kita dijadikan sbg seorg Islam, mempunyai Tuhan yg begitu menyayangi hamba2Nya yg hina ini lebih daripada seorg ibu menyayangi anaknya.

Setelah dilakukan kedua2 perkara ni, barulah kita niat solat dan mengangkat takbir. Berniatlah dlm keadaan berdiri tegak, bukan sambil membetulkan kain sembahyang, telekung dan sebagainya. Fokus.

Setelah bertakbir, penceramah menunjukkan pula cara2 solat yg betul, penuh adab dan sopan, sesuai dgn keperibadian kita sebagai wanita dan selayak2nya adab untuk menghadap Tuhan.

#### 1) Mengangkat takbir - ada 3 cara mengangkat takbir

- i. Dgn meletakkan kedua2 ibu jari di bawah cuping telinga
- ii. Dgn meletakkan kedua2 jari telunjuk di bawah cuping telinga
- iii. Mengangkat kedua2 tangan sehingga ke paras dada (bukan telinga).

Perlu diingatkan, kedua2 lengan hendaklah dirapatkan ke badan.

Menurut penceramah, syaitan2 yg berupa kambing hitam gemar bergayut2 dicelah lengan (bawah ketiak) utk mengganggu solat kita,oleh itu sekiranya kedua2 lengan dirapatkan, tiada ruang utk mereka.

2) **Qiyam** - cara qiyam yg betul ialah memposisikan tgn kiri ke atas sikit dari pusat (bukan menutup pusat) sambil ibu jari dihalakan ke atas, seolah2 menyentuh ulu hati. Tangan kanan diletakkan di atas tangan kiri agak2 selesa. Pastikan kedua2 lengan adalah rapat mendekati badan.

3) **Rukuk** - peralihan dari posisi qiyam kepada rukuk dilakukan dgn penuh tertib dan sopan. Kedua2 tangan melurut peha dgn perlahan dan berhenti di atas lutut. Pastikan badan kita di dlm posisi sudut tepat (90 darjah). Siku juga dirapatkan ke badan dan sudut tepat.

4) **'Iktidal** - tegakkan badan semasa membaca "Sami Allahuliman hamidah.."; dan mengangkat tangan posisi takbir ketika membaca "...rabbanaa lakal hamdu"

5) **Sujud** - sujud dari segi istilah ialah "penyerahan diri yang tertinggi". Tertib sujud ialah dengan meletakkan kedua2 lutut ke lantai, baru diikuti tapak tangan dan seterusnya dahi. Kedua2 tangan dirapatkan di bhgn bawah sedikit dari ibu jari, di mana ada sedikit ruang terbuka di antara kedua2 tangan dan di situlah dahi diletakkan. Jgn sujud terlalu jauh ke hadapan kerana dikhuatiri akan melebihi lebih dari anggota sujud yg 7 iaitu dahi, kedua tapak tangan, kedua lutut and kedua belah kaki (setakat jari shj). Ibu jari kaki dilentur sedikit agar menghala ke kiblat.

6) **Duduk antara 2 sujud** - ada 2 cara :

- i. Papan punggung diletakkan di atas kedua2 kaki
- ii. Papan punggung lebih diberatkan atas kaki kiri ,dan kaki kanan dilentur agar ibu jari menghadap kiblat.

7) **Bangun selepas sujud** - duduk sebentar sebelum bangun, bukan dlm keadaan bangun menungging. Sekiranya menghadapi kesulitan utk bangun, gunalah tgn kanan utk membantu kita bangun atau kedua2 tangan.

8) **Tahiyyat** - mengangkat telunjuk pada ketika menyebut "...illallahh. .."; (semasa membaca "laa ilaa ha ILLALLAH"). Jari telunjuk itu jangan diturunkan sehingga memberi salam.

9) **Salam** - tidak perlu ditundukkan muka sebelum memberi salam. Menoleh sejauh mungkin sehingga 180 darjah ke belakang kerana malaikat ramai di sekeliling kita. Begitu juga ketika menoleh ke kiri. Tidak salah jika bahu dialihkan sedikit bagi membolehkan kita menoleh sehingga 180 darjah. Semasa menoleh ke kanan, alihkan sedikit bahu kiri dan sebaliknya.

10) **Berdoa sesudah solat** - seelok2 duduk ialah dgn melapikkan papan punggung dgn kedua2 kaki. Tgn diangkat separas dada dan berdoa dlm keadaan tunduk sedikit kerana sekiranya kita berdoa dgn tgn yg tinggi dan mendongak ke langit, itu melambangkan sifat bongkak. Ingatlah, kita sedang menghadap yg Esa.

Seterusnya sebelum selesai ceramah, Ustazah sempat mengingatkan para hadirin bahawa kain yg digunakan ukt solat juga perlu menepati ciri2 yg tertentu. Antaranya:-

1) **Tidak jarang.**

Rata2 kain telekung masa kini adalah jarang. Sekiranya kita memakai kain yg jarang dan dapat dilihat tengkuk dan warna kulit, maka solat kita tidak sah. Seelok2nya carilah kain telekung yg tidak jarang (antara caranya ialah dgn menggunakan lapis kain ataupun, pakailah anak telekung atau tudung labuh di dalam dan pastikan sewaktu di rumah, apabila kita solat cuma dgn berbaju sleeveless di dlm telekung, pastikan bahu dan tangan tidak kelihatan warna kulit jika diamati dari luar telekung.

2) **Kadang2 sewaktu musafir,**

ada muslimah yg malas membawa kain solat, sekadar membawa telekung sahaja (tak payah org lain, saya pun begini). Apabila tiba waktu solat, cuma kain di badan sahaja digunakan dan bagi menutupi kaki, kita memakai stokin. Cara ini memang tidak salah, tapi pastikan stokin yg dipakai tidak jarang.

Ingatlah sewaktu kita sujud, kain stokin itu akan menegang (stretch) dan manalah tahu, terdedah aurat kita ketika itu lalu tidak sahlah solat. Sebaik2nya pakai stokin yg tebal (Ustazah mencadangkan stokin yg lazim dipakai ketika bersukan) ataupun jika tiada, pakai 2 lapis.

3) **Ada kain telekung yg indah bersulam dan berkerawang.**

Ada yg berlubang2 sehingga di belakang telekung. Adakalanya, bagi mereka yg rambut panjang, jika tidak ditutup betul2 dgn serkup/ anak telekung, rambut2 ini akan terkeluar2 di celah2 kerawang telekung. Oleh itu, berhati2lah.

Sama2lah kita berusaha memperbaiki solat kita kerana ia adalah tiang agama. Pertama sekali yg akan dihisab di akhirat kelak ialah solat kita. Solat yg baik akan melahirkan peribadi yg baik.





## **HUSBAND SMART but WIFE SMARTER**

A man called home to his wife and said, "Honey I have been asked to go fishing up in Canada with my boss and several of his friends. We'll be gone for a week. This is a good opportunity for me to get that promotion I've been wanting, so could you please pack enough clothes for a week and set out my rod and fishing box?"

We're leaving from the office and I will swing by the house to pick my things up"

"Oh! Please pack my new blue silk pajamas." The wife thinks this sounds a bit fishy but being the good wife she is, did exactly what her husband asked. The following weekend he came home, a little tired but otherwise looking good. The wife welcomed him home and asked if he caught many fish?

He said, "Yes! Lots of Salmon, some Bluegill, and a few Swordfish. But why didn't you pack my new blue silk pajamas like I asked you to do?"

You'll love the answer...

The wife replied, "I did. They're in your fishing box....."

### **Husband & Wife - Love Your Enemy**

From his death bed, the husband called his wife and said, "One month after I die I want you to marry Samy." "Samy! But he is your enemy!" "Yes, I know that! I've suffered all these years so let him suffer now."

### **Husband & Wife - Wedding Ring**

At the cocktail party, one woman said to another, "Aren't you wearing your wedding ring on the wrong finger?" The other replied, "Yes I am, I married the wrong man."

### **Husband & Wife - Same Service**

A husband visited a marriage counselor and said, "When we were first married, I would come home from the office, my wife would bring my slippers and our cute little dog would run around barking. Now after ten years it's all different, I come home, the dog brings the slippers and my wife runs around barking." "Why complain?" said the counselor. "You're still getting the same service!"

### **Husband & Wife - Problem Father**

"You looked troubled," I told my friend, "what's your problem?" He replied, "I'm going to be a father." "But that's wonderful," I said. "What's wonderful? My wife doesn't know about it yet."

### **Husband & Wife - Talk About Husband**

One woman told another : "My neighbor is always speaking ill of her husband, but look at me, my husband is foolish, lazy and a coward; but have I ever said anything bad about him?"